Headline	TNB komited utamakan kelestarian alam		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan)		
Date	17 Oct 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	41
ArticleSize	207 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,350		

Roslan (dua, kanan) bertukar dokumen MoU dengan Ahmad Kamarulnajuib (dua kiri) disaksikan Hamim (tengah).

TNB komited utamakan kelestarian alam

PORT DICKSON - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama erat dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui memorandum persefahaman (MoU),semalam.

Ketua Pegawai Korporatnya, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, MoU ini dilihat sebagai titik permulaan untuk TNB merangka strategi ke arah mencapai hubungan terbaik dalam pengurusan alam sekitar.

Menurutnya, aspirasi TNB ingin menjadi antara syarikat yang terbaik bukan sahaja di dalam negara tapi di peringkat global.

"Buat masa ini, TNB berada di kedudukan 16 terbaik antara syarikat utiliti di seluruh dunia. Sasaran kita sebenarnya adalah untuk berada dalam kelompok 10 terbaik," katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU antara JAS dan TNB sebagai Rakan Strategik Alam Sekitar di sebuah hotel semalam.

Roslan berkata, TNB berpendapat sebagai sebuah syarikat besar tidak sewajarnya bergantung sepenuhnya dengan JAS.

"Justeru TNB mewujudkan usaha di peringkat pengurusan sendiri untuk pastikan segala bentuk operasi patuhi piawaian ditetapkan JAS.

"Pendekatan itu juga akan TNB terapkan dalam dua projek mega yang bakal laksanakan membabitkan pembinaan hidro elektrik tidak lama lagi," katanya.

Roslan berkata, TNB juga menyambut baik usaha JAS mentransformasikan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 melalui kaedah Pematuhan Kendiri Terpimpin (GSR).

"TNB akan terus beri kerjasama kepada JAS dalam penerapan GSR dalam semua operasi. Malah TNB juga melatih ramai dalam kalangan anggota kerja TNB bagi memenuhi apa yang dikatakan sebagai GSR," katanya.

Hadir menyempurnakan majlis, Timbalan Menteri Sumber Asli dan alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri dan Ketua Pengarah JAS, Ahmad Kamarulnajuib Che Ibrahim.

Powered by: iSENTIA